

TALKING POINT

(5 mins speech)

PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB

NAIB CANSELOR

CeO Talk Perodua

22 MAC 2017 (Rabu); 9.30 PAGI, AUDI PPS

Y.Bhg. Datuk Ahmad Suhaimi bin Hashim

Presiden Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd.

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Noreffendy bin Tamaldin

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Staf, pelajar, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,

Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Kapal dagang dari seberang,
Sarat muatan kayu meranti,
Dari Perodua tuan-puan datang,
Kami di UTeM sentiasa menanti.

1. Syukur Alhamdulillah kerana dapat berhimpun di pagi yang indah ini bersempena Program CeO Talk bersama Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd.
2. Terima kasih kepada Y.Bhg Datuk kerana sudi meluangkan masa hadir ke UTeM walaupun Y.Bhg. Datuk mempunyai jadual kerja yang amat padat. Kehadiran Y.Bhg. Datuk ke sesi perkongsian ilmu pada pagi ini amatlah dinanti-nantikan oleh kami semua.
3. Program CeO Talk ini merupakan program yang telah dirancang oleh pihak UTeM khususnya pihak fakulti bersama industri bagi berkongsi maklumat dan pendedahan berkenaan topik-topik terkini khususnya berkenaan senario semasa perindustrian di negara ini.
4. Alhamdulillah, pada pagi ini, pendedahan berkenaan industri automotif bakal disampaikan sendiri oleh pihak Perodua, satu syarikat automotif yang tidak asing lagi di negara ini.

5. Seperti mana yang diketahui umum, sektor automotif merupakan industri penting dan menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara ini, dan Malaysia pastinya berbangga menjadi satu-satunya negara membangun di dunia yang memiliki kemampuan rekabentuk automotif dan kejuruteraannya yang tersendiri.
6. Jaringan strategik antara UTeM dan Perodua juga telah terjalin sekian lama. Hubungan strategik ini menjadi lebih kukuh apabila pihak Perodua telah menyumbangkan sebanyak 2 mesin CNC beranggaran RM400,000 kepada UTeM bagi membantu proses P&P yang dijalankan.
7. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada pihak Perodua, UTeM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Y.Bhg. Datuk Hj. Aminar Rashid bin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Perodua pada Majlis Konvokesyen UTeM ke 11, tahun 2015.

8. Saya yakin dengan pengalaman industri yang begitu hebat yang dimiliki oleh Y.Bhg. Datuk Ahmad Suhaimi dapat membuka minda dan menambah ilmu sedia ada kepada staf dan pelajar khususnya kepada pelajar tahun 4 yang bakal menamatkan pengajian tidak lama lagi.
9. Jadikanlah pendedahan ilmu yang informatif ini sebagai persediaan sebelum anda semua melangkah ke alam pekerjaan kelak.
10. Sekali lagi terima kasih kepada pihak Perodua Global Manufacturing Sdn. Bhd. Di atas kesudian untuk memenuhi jemputan program ilmiah pada pagi ini.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.